


Ayat Kauniyyat dan Penerokaan Ilmu Sains

Mukjizat merupakan perkara luar biasa yang melampaui adat kebiasaan, yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada para nabi dan rasul sebagai bukti kebenaran. Penentuan jenis mukjizat bergantung pada situasi sesuatu zaman. Contohnya, tongkat Nabi Musa a.s. bertukar menjadi ular kerana zaman tersebut popular dengan amalan sihir. Begitu juga pada zaman Nabi Salih a.s. yang terkenal dengan kemahiran memahat gunung sebagai kediaman, baginda telah diberi mukjizat mengeluarkan benda yang hidup daripada benda yang mati, iaitu seekor unta betina daripada batu yang keras.

Bagi Nabi Muhammad SAW pula, Baginda dianugerahkan al-Quran sebagai mukjizat sesuai dengan masyarakat Arab yang sangat terkenal dengan ketinggian bahasa mereka. Baginda turut dikurniakan beberapa mukjizat yang lain, namun al-Quran merupakan mukjizat yang paling agung. Al-Quran menjadi bukti kerasulan Baginda walaupun kaum musyrikin menuduh Baginda mengarang sendiri al-Quran, sedangkan mereka mengetahui Baginda seorang yang *ummi* (buta huruf).

Allah SWT mencabar kaum musyrikin untuk membawakan kitab seumpama al-Quran melalui tiga tahap cabaran, iaitu pertama, secara keseluruhan al-Quran; kedua, sebanyak 10 surah; dan ketiga, hanya satu surah. Terdapat cubaan mencipta surah daripada mereka, namun Allah SWT menegaskan bahawa jika semua manusia dan jin bersatu sekalipun, mereka tetap tidak dapat menandingi al-Quran. Firman



Allah SWT yang bermaksud, “Katakanlah (wahai Muhammad): ‘Sesungguhnya jika sekalian manusia dan jin berhimpun dengan tujuan hendak membuat dan mendatangkan sebanding dengan al-Quran ini, mereka tidak akan dapat membuat dan mendatangkan yang sebanding dengannya, walaupun mereka bantu-membantu sesama sendiri.’” (*Surah al-Isra’* 17:88).

Mukjizat al-Quran tidak hanya terbatas pada ketinggian bahasa, malah juga dari segi isi kandungan yang menceritakan peristiwa yang telah berlaku, sedang berlaku dan yang akan berlaku. Sebahagian daripada perkara tersebut tidak mungkin dapat diketahui oleh Rasulullah SAW melainkan dikhabarkan kepada Baginda. Selain itu, kandungan al-Quran turut menyentuh berkaitan dengan perkara yang nyata



dan perkara ghaib yang tidak akan mampu dicapai oleh akal manusia. Bertepatan dengan kedudukan Rasulullah SAW sebagai penutup para nabi dan rasul, al-Quran merupakan kitab samawi terakhir yang diturunkan sebagai petunjuk dalam kehidupan manusia. Allah SWT memberikan jaminan bahawa Dia akan menjaga kesucian al-Quran hingga hari kiamat. Hal ini terbukti melalui periwayatan al-Quran dari satu generasi ke satu generasi secara mutawatir dengan bilangan periwayat yang banyak dan mustahil berlaku penipuan. Sebarang usaha untuk menyelewengkan kandungan al-Quran pasti akan terbongkar.

Ayat Kauniyyat dalam al-Quran

Penurunan al-Quran selama 23 tahun dilatari dengan pelbagai objektif dan peristiwa bermula dengan penyucian akidah daripada perkara syirik dan akhlak terpuji sepanjang keberadaan Rasulullah SAW di Makkah. Ayat al-Quran yang diturunkan bagi fasa pertama dalam tempoh 13 tahun sebelum hijrah Rasulullah ke Madinah dikenali sebagai ayat Makkiah. Fasa kedua penurunan pula bermula selepas hijrah Baginda ke Madinah yang banyak menumpukan kepada hukum-hakam syarak. Ayat al-Quran yang diturunkan dalam fasa ini pula dikenali sebagai ayat Madaniah.

Selain itu, al-Quran turut sarat dengan penceritaan umat terdahulu sebagai pengajaran dan penyebutan berkaitan dengan penciptaan makhluk sebagai bukti kewujudan Pencipta yang Maha Agung. Ayat berkaitan dengan ciptaan ini dikenali sebagai ayat *kauniyyat*. Jumlah ayat *kauniyyat* yang meliputi hampir satu perenam daripada keseluruhan ayat al-Quran berperanan penting untuk mengajak manusia mentauhidkan Allah SWT dan membersihkan diri daripada sifat syirik, membentangkan pelbagai jenis nikmat Allah dan melemahkan golongan yang kufur nikmat, menganjurkan manusia meneliti dan mengkaji ciptaan Allah SWT, serta sebagai bukti kebesaran dan keagungan al-Quran.

Pendekatan yang digunakan oleh al-Quran untuk mengajak manusia bertafakur dengan ayat *kauniyyat* ialah suruhan secara langsung untuk melakukan pemerhatian, penggunaan *al-istifham al-inkari* (pertanyaan yang menginginkan penafian terhadap perkara yang ditanyakan) atau *al-istifham al-taqiriri* (pertanyaan yang menginginkan pengakuan daripada orang yang mendengar tentang perkara yang


ditanya), persumpahan dengan ciptaan atau makhluk, penamaan surah al-Quran dengan nama benda hidup dan fenomena semula jadi, celaan terhadap orang yang tidak melihat, tidak berfikir dan tidak mengambil iktibar serta menyifatkan mereka sebagai orang yang buta mata hati, serta pengulangan perkataan dan makna yang mendorong kepada tindakan berfikir dan memerhatikan sesuatu, termasuk pengulangan nama benda yang menjadi subjek pemerhatian dan pemikiran.

Ayat Kauniyyat sebagai Sumber Penerokaan Ilmu Sains

Ilmu pengetahuan boleh dikategorikan kepada dua jenis, iaitu *ulum naqliyyah* (ilmu bersumberkan wahyu) dan *ulum 'aqliyyah* (ilmu bersumberkan akal). Al-Quran merupakan sumber kepada *ulum naqliyyah*. Perkataan "sains" menurut *Kamus Dewan Perdana* bermaksud ilmu pengetahuan yang teratur, sistematik dan boleh diuji atau dibuktikan kebenarannya. Selain itu, sains merupakan cabang ilmu pengetahuan yang berdasarkan kebenaran atau kenyataan semata-mata seperti fizik, kimia dan biologi. Dalam konteks ini, sains merupakan satu daripada *ulum 'aqliyyah*.

Keistimewaan epistemologi Islam ialah menjadikan al-Quran sebagai sumber rujukan utama. Menurut Imam al-Ghazali dalam kitab *Jawahir al-Quran*, al-Quran ibarat lautan dan merupakan sumber ilmu orang terdahulu dan zaman ini, seperti sungai yang bercabang dari tepi lautan. Beliau juga menekankan bahawa umat Islam bertanggungjawab untuk meneroka dan mencari mukjizat yang terkandung dalam al-Quran, dan kehilangan mutiara dan permata daripada al-Quran merupakan satu keaiban akibat daripada pengabaian usaha itu. Memetik kata-kata beliau,

"Wahai orang yang membaca al-Quran dengan panjang lebar, yang menjadikan pengajiannya sebagai pekerjaan, dan yang mengambil sebahagian daripada makna dan kalimat yang zahir, berapa lamakah anda akan berlegar-legar di pantai lautan, menutup mata anda kepada keajaiban makna al-Quran? Bukankah menjadi kewajipan anda untuk belayar ke tengah-tengah lautan yang tidak terkira makna ini untuk melihat keajaiban mereka, untuk mengembara ke pulau-pulau mereka untuk mengumpulkan hasil terbaik mereka, dan untuk menyelami mereka supaya anda boleh menjadi kaya dengan mendapatkan permata mereka?"



Al-Quran bukan sahaja menjadi rujukan dalam perkara yang berkaitan dengan syarak, tetapi juga berkaitan dengan alam.

Imam al-Suyuti turut berpandangan sama dengan Imam al-Ghazali dalam hal ini. Beliau menyatakan bahawa al-Quran merupakan sumber penerokaan pelbagai ilmu dan sumber perkembangan ilmu. Kata beliau, "Sesungguhnya kitab kami, al-Quran ialah tempat ledakan ilmu dan punca mata air ilmu, dan al-Quran juga merupakan orbit mentari ilmu dan tempat terbitnya. Allah SWT meletakkan padanya ilmu setiap bidang, dan Allah SWT menerangkan dalamnya petunjuk dan kesalahan, dan kamu akan melihat setiap ahli ilmu mengambil daripada al-Quran dan bersandar padanya."

Di sinilah juga titik perbezaan epistemologi Islam dengan tamadun Barat yang cenderung kepada sekularisme. Sekularisme merupakan satu doktrin yang menolak nilai keagamaan dalam kehidupan sosial manusia. Fahaman ini muncul akibat daripada pertembungan yang berlaku dalam kalangan gereja, saintis dan reformis agama kerana gereja tidak dapat menerima ilmu bersumberkan akal yang dianggap bertentangan dengan ilmu agama Kristian.



Pada akhirnya, masyarakat Barat bangkit dan menolak gereja untuk memisahkan antara ilmu agama Kristian dengan ilmu bersumberkan akal.

Al-Quran merupakan kalam Allah yang mempunyai kebenaran mutlak. Siapakah yang lebih mengetahui tentang hakikat sesuatu perkara melainkan penciptanya sendiri? Sebagai contoh, pencipta komputer sememangnya lebih mengetahui tentang komputer, dan begitulah Allah SWT merupakan zat yang paling mengetahui tentang makhluk ciptaan-Nya. Oleh itu,



INFO

Ayat *kauniyyat* dalam al-Quran merujuk ayat yang mengajak manusia untuk memerhatikan, menghayati, dan memahami tanda-tanda kebesaran Allah SWT yang terdapat di alam semesta atau pada ciptaan-Nya.

al-Quran seharusnya menjadi rujukan utama bukan sekadar dalam perkara berkaitan dengan syarak, bahkan juga berkaitan dengan alam.

Jumlah ayat *kauniyyat* yang dianggarkan melebihi 1000 ayat menunjukkan Allah SWT memberikan penekanan terhadap hal tersebut. Oleh itu, amatlah rugi jika tadabur al-Quran hanya difokuskan kepada syariat dan mengabaikan ayat *kauniyyat*. Sementara Allah SWT menempelak golongan yang tidak memikirkan al-Quran sedangkan al-Quran tidak mempunyai perselisihan. Allah SWT berfirman yang bermaksud, “Patutkah mereka (bersikap demikian), tidak mahu memikirkan isi al-Quran? Kalaulah al-Quran itu (datangnya) bukan dari sisi Allah, nescaya mereka akan dapati perselisihan yang banyak di dalamnya.” (Surah al-Nisa’ 4:82). Hal ini membuktikan bahawa ayat *kauniyyat* dalam al-Quran juga merupakan suatu hakikat dan mustahil terdapat perselisihan.

Prinsip umum al-Quran terhadap ayat *kauniyyat* ialah al-Quran tidak menjadikan ilmu berkaitan dengan ciptaan sebagai topik asasi. Al-Quran telah menetapkan bahawa ciptaan merupakan pembantu kepada manusia yang dipermudah bagi mereka. Al-Quran berbicara tentang hakikat ciptaan dan menarik perhatian terhadap keajaiban sesuatu ciptaan, tetapi al-Quran tidak pernah menjelaskan tentang teori sains. Ilmu sains tertakluk pada taraf kemajuan dari hari ke hari, justeru al-Quran meninggalkan perbahasan teori sains sebagai suatu bentuk ujian kepada manusia.

Pada hakikatnya, tidak timbul isu pemisahan atau dikotomi antara al-Quran dengan ilmu sains, malah al-Quran mengajak manusia menggunakan pancaindera dan logik akal untuk memerhatikan penciptaan diri mereka dan alam sekeliling untuk mengenal Pencipta yang Maha Agung. Banyak penemuan yang menunjukkan keselarian antara al-Quran dengan sains kurun demi kurun. Di sinilah zahirnya unsur mukjizat agung kerana al-Quran diturunkan pada zaman yang teknologinya belum pesat membangun.

Perbincangan ayat *kauniyyat* sentiasa relevan seiring dengan perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi. Ayat *kauniyyat* seharusnya menjadi titik permulaan bagi penerokaan ilmu sains sebagaimana yang diutarakan oleh Imam al-Ghazali dan Imam al-Suyuti. Sains pula boleh dimanfaatkan untuk menjelaskan ayat *kauniyyat* yang terdapat dalam al-Quran. Dengan demikian, al-Quran akan kekal sebagai mukjizat terakhir yang selari dengan peredaran zaman yang tak lapuk dek hujan tak lekang dek panas. 🌟